



**IDRIS JUSOH** dalam program #KITKeeping In Touch bersama Menteri Pendidikan Tinggi di Universiti Putra Malaysia, Serdang, kelmarin.

# Wanita beri keseimbangan menerusi pelbagai aspek

**KUALA LUMPUR 28 Mac** - Golongan wanita mampu memberi keseimbangan terhadap keputusan yang dibuat oleh lelaki terutama dalam melibatkan sebarang pelaksanaan serta dasar penting negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur berkata, sehubungan itu, peranan golongan itu



**NOORUL AINUR MOHD. NUR**

perlu diperkatakan lagi dari semasa ke semasa dalam konteks yang lebih menyeluruh.

Malah katanya, golongan wanita juga perlu membantu antara satu sama lain dalam mendepani tanggungjawab serta cabaran yang lebih mencabar pada masa akan datang.

"Sebenarnya banyak isu yang perlu dirangkumi bersama dalam membuat keputusan supaya boleh mewujudkan keseimbangan.

**NAIB CANSOLOR/ REKTOR WANITA**

**DATUK DR. NOR AIENI MOKHTAR** (UMT)

**PROFESOR DATUK DR. ASMA ISMAIL** (U-M)

**PROFESOR DATUK SERI DR. ZALEHA KAMARUDIN**

**PROFESOR DATUK DR. AINI IDERIS** (UPM)

Sebab itu kita mahu lebih ramai wanita pegang jawatan penting di institusi pengajian tinggi (IPT).

"Hal ini kerana wanita boleh mengimbangi apa yang difikirkan oleh lelaki dan segala keputusan akan jadi lebih efektif serta efisien," katanya ketika ditemui dalam program #KITKeeping in Touch bertemakan #WomenInHigherEducation di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang dekat sini kelmarin.

Dalam pada itu, Noorul Ainur berkata, beliau juga berbangga selepas peranan wanita kini semakin diberi perhatian dan diketengahkan oleh kerajaan dalam pelbagai bidang.

"Saya wanita pertama yang dilantik sebagai Ketua Setiausaha KPT mahukan lebih ramai golongan ini berjaya pada masa akan datang dan akan terus membantu demi masa depan mereka," ujarnya.